

NO. SOALAN: 162

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD**

[KUALA TERENGGANU – AMANAH]

NO. SOALAN : 162

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan polisi Malaysia tentang pelarian
Rohingya dan berapa ramaikah pelarian Rohingya diterima di Malaysia
pada tahun 2016 dan 2017 .

JAWAPAN: **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan tidak mengiktiraf status ‘pelarian’ memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Namun demikian, atas dasar kemanusiaan, pihak Kerajaan membenarkan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) ini tinggal sementara sehingga mereka dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Ini termasuklah “pelarian” Rohingya, Myanmar.

Sehingga kini, Kerajaan Malaysia masih mengekalkan dasar-dasar sedia ada terhadap pemegang kad UNHCR yang sah seperti berikut:

- (i) tidak dinafikan kebebasan bergerak dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara;
- (ii) tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip ‘*non-refoulement*’ melainkan secara sukarela (*voluntary return*);
- (iii) tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50% daripada kadar yang dikenakan ke atas

- golongan ekspatriat. Vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma; dan
- (iv) tidak disekat untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta yang dikendalikan oleh komuniti "pelarian", NGO dan UNHCR.

Walau bagaimanapun, hak-hak dan keistimewaan tersebut bukanlah hak yang mutlak. Ianya diberikan oleh Kerajaan Malaysia atas dasar kemanusiaan dan berdasarkan 'case by case basis'. Sebarang bentuk bantuan kepada 'pelarian' dan pemohon suaka tidak menunjukkan pengiktirafan Kerajaan Malaysia terhadap golongan tersebut. Oleh yang demikian, jika mereka terlibat dalam sebarang aktiviti jenayah, tiada perlindungan akan diberikan dan mereka akan tertakluk kepada semua undang-undang yang terpakai dalam negara ini.

Berdasarkan statistik pejabat UNHCR di Kuala Lumpur, pada tahun 2016, terdapat seramai **55,565 orang** etnik Rohingya yang memegang kad UNHCR di Malaysia. Jumlah ini meningkat pada 2017, di mana sehingga 30 September 2017, terdapat seramai **62,153 orang** pemegang kad UNHCR daripada etnik Rohingya.

Daripada jumlah ini, seramai **53,811** adalah "pelarian", dan seramai **8,342 merupakan pemohon suaka**.

Sekian, terima kasih.